perkhidmatan. Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan Mahkamah Syariah Negeri-Negeri adalah merupakan sebuah Jabatan yang berurusan terus dengan masyarakat pada setiap hari. Kes-kes yang dikendalikannya adalah berkaitan dengan kehidupan masyarakat Islam seharian seperti perkahwinan, perceraian dan pelbagai tuntutan bersabit dengan perkahwinan dan perceraian. Masyarakat sentiasa memerhatikan dan menilai cara kerja Jabatan kita. Oleh itu kita sering mendengar masyarakat memperkatakan mengenai pentadbiran, pengurusan dan pengendalian kes di Mahkamah Syariah.

Mahkamah Syariah diseluruh negeri telah berusaha memperbaiki pengurusan dan pentadbirannya supaya lebih teratur dan berkesan. Mengikut perkembangan terkini beberapa buah Mahkamah Syariah telah mendapat pengiktirafan persijilan MS ISO 9002, mudah-mudahan dengan itu akan dapat mengembalikan keyakinan masyarakat terhadap perkhidmatan yang diberikan.

2.3.2. Perkembangan Dan Reformasi Undang-Undang

Sebagaimana yang kita sedia maklum, undang-undang Islam adalah merupakan undang-undang utama yang diamalkan di Negeri-negeri Tanah Melayu sejak sebelum kedatangan penjajah Inggeris lagi. Ini diakui oleh beberapa orang sarjana barat. Antara undang-undang bertulis yang terkenal yang telah

diguna pakai oleh umat Islam ketika itu ialah Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melayu.

Dengan kedatangan Inggeris, undang-undang Islam telah mula diketepikan sedikit demi sedikit dan akhirnya undang-undang Islam hanyalah terpakai mengenai undang-undang diri dan membicarakan hal ehwal perkahwinan, perceraian dan sebagainya. Campur tangan Inggeris di Tanah Melayu bermula apabila Syarikat Hindia Timur mewujudkan pusat perdagangan di tiga buah tanah jajahan iaitu Melaka, Pulau Pinang dan Singapura yang kemudian diserahkan kepada Inggeris yang dikenali sebagai Negeri-Negeri Selat. Titik mula sistem Kehakiman Inggeris bermula apabila Piagam Pertama Keadilan Diraja 1807 telah menubuhkan Mahkamah Keadilan di Pulau Pinang. Common Law Inggeris dan Ekuiti telah digunakan dan dikuatkuasakan di Negeri-Negeri Selat itu.

Seperti yang dikehendaki bahawa undang-undang Inggeris diserapkan dan diterima pakai di Negara ini melalui tiga cara iaitu Keputusan Hakim, Perundangan seperti Panel Code dan sebagainya dan Majlis Mesyuarat Negeri.

Sejarah telah menunjukkan kedudukan undang-undang Islam di Negara kita selepas kemerdekaan berkembangan dengan sihat di mana usaha-usaha telah dibuat oleh masyarakat Islam untuk mengembalikan kedudukan undang-undang Islam pada tempatnya. Selari dengan itu struktur Mahkamah Syariah telah

disusun semula kepada tiga peringkat mahkamah; Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah.

Perubahan yang besar telah berlaku di dalam sejarah perundangan Islam di Negara kita apabila pindaan Perlembagaan Persekutuan Perkara 121(1A) diluluskan dan dilaksanakan. Pada 10 Jun 1998, melalui keputusan Mahkamah Agung ketika itu telah memutuskan di dalam kes Habibullah lawan Faridah Dato' Talib bahawa Mahkamah Syariah mempunyai bidangkuasa eksklusif mengenai pentadbiran undang-undang keluarga Islam di mana Mahkamah Sivil tidak lagi boleh mengatasi keputusan Mahkamah Syariah.

Sejak daripada itu usaha-usaha telah dibuat untuk mempermekaskan dan menyelaraskan undang-undang pentadbiran Agama Islam dan lain-lain yang sedang berkuat kuasa di negeri-negeri. Majlis Raja-Raja telah bersetuju dengan cadangan lima undang-undang itu Undang-Undang Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam, Undang-Undang Keluarga Islam, Tatacara Mal Mahkamah Syariah, Tatacara Jenayah dan Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah. Lima undang-undang yang telah diluluskan oleh Majlis Raja-Raja itu sekarang ini adalah dalam tindakan kerajaan negeri untuk diterima pakai.

Lima undang-undang yang telah diluluskan oleh Majlis Raja-Raja ada beberapa undang-undang lagi termasuk **Undang-Undang Kesalahan Jenayah Syariah tindakan penyelarasan dan penyeragaman sedang diambil**. Untuk menyelaraskan pelaksanaan dan tindakan di Mahkamah Syariah beberapa Kaedah telah digubal oleh Jawatankuasa Teknikal di antaranya Kaedah-Kaedah Kos dan Fi ini akan kita gunakan sebagai asas rujukan di dalam Kursus Penyediaan Bil Kos dan Taksiran Kos yang akan kita jalankan tahun hadapan dengan kerjasama Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan(ILKAP). Yang terbaru, kita juga telah berjaya menyiapkan Manual Kerja Suhu dan Kod Etika Pegawai Suhu bagi kegunaan Pegawai-pegawai Suhu di dalam proses suluhan yang telah kita perkenalkan pada tahun lepas lagi. Ini selari dengan Arahan Amalan yang akan kita lancarkan pada majlis Perasmian sebentar lagi.

2.3.3. Perkembangan Terkini Di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

Sejak Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia mula ditubuhkan pada tahun 1998, berbagai program bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan pentadbiran Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan Mahkamah Syariah Negeri-negeri telah dan sedang dilaksanakan.

Visi Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia iaitu untuk menjadikan ia sebuah agensi pusat yang berwibawa bagi merealisasikan penyeragaman sistem

perundangan Islam demi menegakkan keadilan adalah bertepatan dengan usaha-usaha yang telah dan sedang dijalankan. Piagam Pelanggan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia juga berkehendakkan penyeragaman undang-undang Islam yang komprehensif dan sistematik berhubung dengan pentadbiran Mahkamah Syariah dalam tempoh lima (5) tahun daripada penubuhannya.

dipantik serta hasilnya dapat diperoleh oleh seluruh umat Islam di Negara

Oleh itu penyusunan semula struktur organisasi Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia amat penting setelah ia berjalan selama lebih kurang 2 tahun sejak penubuhannya. Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah menghadapi masalah kekurangan tenaga pegawai dan kakitangan sokongan bagi melaksanakan fungsi serta objektif Jabatan. Maka hasil daripada usaha pegawai dan kakitangan Jabatan ini pada 17 Jan 2002 kelulusan waran perjawatan Bil A10 Tahun 2002 telah diperolehi daripada Kementerian Kewangan dimana sebanyak 112 jawatan baru dan berserta up-grading beberapa jawatan seperti yang dipohon telah diluluskan. Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah berwajah baru dengan pengwujudan beberapa bahagian dan cawangan baru. Organisasi baru ini jelas memperlihatkan pemerhatian serius Kerajaan Persekutuan dalam usaha mempertingkatkan martabat institusi Kehakiman Syariah seiring dengan kemajuan umat Islam di negara serta kemajuan pesat dalam Perkhidmatan Awam. Segala butiran memorandum cadangan penyusunan semula organisasi serta perluasan fungsi yang dikemukakan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia kepada Jabatan Perkhidmatan Awam telah berjaya diberi kelulusan sepenuhnya

dan ini telah menyaksikan penubuhan beberapa cawangan serta unit yang baru dengan pertambahan perjawatan sebanyak 112 jawatan baru serta kenaikan taraf (up-grading) dalam banyak jawatan. Hakikatnya kejayaan ini juga sebenarnya merupakan bermulanya seribu cabaran baru bagi seluruh warga Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia bagi memastikan segala matlamatnya dapat dipenuhi serta hasilnya dapat dipersaksikan oleh seluruh umat Islam di Negara kita dan umat Islam di Negara yang lain.

Struktur baru Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia ialah dengan wujudnya 3 Bahagian yang besar ialah;

1. Pejabat Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
2. Bahagian Pembangunan/Dasar
3. Bahagian Kehakiman.

Pejabat Ketua Pengarah telah mendapat beberapa orang jawatan pegawai kanan bagi membantu Ketua Pengarah menjalankan tugas-tugasnya dengan berkesan. Jawatan Pegawai Kanan tersebut ialah:

1. Pegawai Penyelidik Kanan Gred L2
2. Penasihat Undang-undang Gred L2
3. Pegawai Perhubungan Awam S3

Di bawah bahagian Pembangunan/Dasar, terdapat 6 cawangan baru yang mana tiap-tiap satunya di ketuai oleh pengarah-pengarah cawangan bertaraf Gred

2. Bahagian Pembangunan/Dasar ini diketuai oleh Ketua Pendaftar bertaraf Gred Utama ‘C’. Cawangan-cawangan tersebut ialah:-

1. Cawangan Pentadbiran dan Sumber Manusia
2. Cawangan Latihan
3. Cawangan Pendaftaran Kes
4. Cawangan Penyelidikan
5. Cawangan Teknologi Maklumat (ICT)
6. Cawangan Pusat Sumber

Antara fungsi-fungsi bagi tiap-tiap Cawangan ini antaranya:-

- i. Cawangan Latihan – merancang latihan dalam bidang kehakiman dan kerjaya bagi pegawai-pegawai syariah dan sokongan.
- ii. Cawangan Pendaftaran Kes – mengendalikan semua rayuan kes mal dan jenayah negeri-negeri.
- iii. Cawangan Penyelidikan – membuat penyelidikan hal ehwal Mahkamah Syariah Negeri-negeri, undang-undang Syariah Negara dan antarabangsa dan terjemahan kitab-kitab rujukan Arab berkaitan hukum syarak.

-
- iv. Cawangan Pentadbiran dan Sumber Manusia – menguruskan sumber manusia, pembangunan organisasi dan personal.
- v. Cawangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi – membangunkan sistem maklumat kes-kes Syariah dan perkhidmatan teknikal kepada unit-unit lain.
- vi. Cawangan Pusat Sumber – menguruskan perpustakaan undang-undang Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan negeri-negeri, penerbitan buletin dan dokumentasi.

Manakala Bahagian Kehakiman pula, Kerajaan telah meluluskan 4 jawatan Hakim Rayuan Syariah bertaraf Gred Utama ‘B’ dan tiap-tiap Hakim Rayuan akan dibantu oleh seorang pegawai penyelidik Gred L3.

Setakat hari ini, semua pegawai syariah di tiap-tiap cawangan telah diisi sepenuhnya kecuali Pengarah Cawangan Latihan dan Pegawai Syariah di bawah Cawangan Pendaftaran Kes. Pegawai dan kakitangan sokongan telah mula diisi dan sudah hampir lengkap kesemuanya cuma terdapat beberapa jawatan yang masih belum diisi. Jumlah kakitangan di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia keseluruhannya setakat hari ini ialah seramai 55 orang.

Sesungguhnya beberapa jawatan kenaikan pangkat seperti jawatan Gred 2, Gred 1 ,Jusa C,, Jusa B dan Jusa A yang telah diperuntukkan di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan beberapa negeri gunasama adalah sebagai satu motivasi dan pendorong kepada semua pegawai syariah di dalam meningkatkan kerjaya masing-masing. Oleh itu, Pegawai Syariah hendaklah bersedia mengisi perjawatan ini dengan peningkatan ilmu, keupayaan dan prestasi.

3.1. Definisi Metodologi

Metodologi berasal dari proses penggunaan mengenai prosedur, teknik-teknik, peralatan (perkakasan) yang digunakan dan sebarang bentuk pendokumentasian yang dilakukan. Dalam pembangunan sesuatu sistem, model fasa proses pembangunan sistem tersebut mestilah diunjukkan untuk mencangkap pengguna-pengguna dan pembangun sistem (*system developer*).

Sebaliknya, ia turut membantu pembangun sistem untuk memahami perkembangan awal sistem dan mendekati sistem dengan cara yang akan

dijelaskan sepanjang proses pembangunan sistem. Model fasa ini merupakan pentingan atau kelebihan yang diperolehi dalam pemodelan proses pembangunan sistem khas.

BAB 3 : METODOLOGI

1. Memperolehi serta sedikit perasaan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan perlaksanaan aktiviti, sumber dan hasil peruntukan projek yang mungkin berlaku.
 2. Membantu dalam mencapai jalan yang efektif dan terbaik bagi setiap fasa pembangunan yang dipraktikkan.
 3. Model pembangunan sistem boleh digunakan untuk menggantikan fasa yang dijalankan dengan fasa yang akan dilaksanakan atau dengan fasa sebelumnya.
- Pada faktur ini akan merentasi pembangunan sistem untuk tujuan penyelesaikan kon-

3.1. Definisi Metodologi

Metodologi bermaksud proses pengumpulan mengenai prosedur, teknik-teknik, peralatan (perkakasan) yang digunakan dan sebarang bentuk pendokumentasian yang dijalankan. Dalam pembangunan sesuatu sistem, model fasa proses pembangunan sistem tersebut mesti ditunjukkan untuk menolong pengguna-pengguna dan pembangun sistem (*system developer*).

Selain itu, ia turut membantu pembangun sistem untuk membuat perancangan awal dan mentafsir atau menilai setiap aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan sepanjang proses pembangunan sistem tersebut. Antara kepentingan atau kebaikan yang diperolehi dalam pemodelan proses pembangunan sistem ialah;

1. Memperolehi serba sedikit pemahaman mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan perlaksanaan aktiviti, sumber dan had peruntukan projek yang mungkin berlaku.
2. Membantu dalam mencapai jalan yang efektif dan terbaik bagi setiap fasa pembangunan yang dijalankan.
3. Model pembangunan sistem boleh digunakan untuk mengaitkan fasa yang dijalankan dengan fasa yang akan dijalankan atau dengan fasa sebelumnya.

Perkaitan ini akan membantu pembangun sistem untuk memperuntukkan kos

dan masa (tempoh) yang diberikan bagi setiap fasa pembangunan perisian


sistem tersebut.

- Dengan menggunakan model pembangunan sistem, perlaksanaan dan

keberkesanan bagi setiap proses dapat dikesan.

Dalam proses pembangunan CBLS, pemodelan *Waterfall* dengan

prototaip (Rajah 3.1) digunakan.



Rajah 3.1: Proses Pembangunan Sistem Secara Waterfall

Model *Waterfall* ini mempunyai banyak kelebihannya dimana ia boleh menjelaki proses pembangunan sistem untuk disahkan dan kebenaran setiap fasa. Ini akan menjadikan fasa pembangunan dapat diawasi oleh pembangun serta berkualiti. Pengesahan bagi setiap fasa digunakan untuk memastikan semua keperluan sistem diimplementasikan. Jadi, fungsi-fungsi sistem dapat dijejaki ke dalam spektifikasi sistem.

3.2. Fasa Pembangunan Sistem

Dalam proses pembangunan, terdapat enam fasa utama yang perlu diimplementasikan semasa membangunkan **CBLS** ini. Dalam pembangunan ES, proses ini dikenali sebagai “*Knowledge Engineering*” (Kejuruteraan Pengetahuan). Perekabentuk-perekabentuk (pembangun) ES mesti menjangkakan masa bagi proses pembangunan sistem *knowledge engineering* ini. Fasa-fasa yang terlibat dalam pembangunan sistem ini seperti yang digambarkan pada Rajah 3.1.

3.2.1. Fasa Definisi Dan Penilaian

Melibatkan proses penilaian (definisi) awal kepada sistem, kajian literasi, analisis komponen (keperluan) sistem dan mengenalpasti masalah dalam pembangunan sistem. Tugas-tugas untuk kajian awal;

- i. Menentukan motivasi organisasi
- ii. Kenalpasti bakal masalah
- iii. Kenalpasti dan belajar kepada kemungkinan
- iv. Analisis kos dan faedah
- v. Perancangan pembangunan projek (*proposal*)

Seterusnya proses untuk mengenalpasti keseluruhan keperluan-keperluan projek. Dalam pembangunan **CBLS**, keperluan asas yang dipertimbangkan ialah, dengan adanya;

- i. pengetahuan penyelesaian masalah
- ii. jurutera pengetahuan
- iii. pengesahan penyelesaian masalah
- iv. modal
- v. perisian
- vi. kemudahan komputer

Fasa ini hendaklah dijalankan secara berhati-hati untuk mendapatkan pemahaman yang mendalam mengenai keseluruhan persoalan yang mungkin timbul semasa dalam proses pengimplementasian objek.

3.2.2. Fasa Perolehan Pengetahuan

Objektif utama fasa ini ialah untuk mendapatkan pengetahuan pakar mengenai masalah yang digunakan untuk membimbing segala usaha kepada pembangunan sistem. Pengetahuan pakar ini, adalah untuk membekalkan tanggapan kepada penyelesaian masalah dan sebagai sumber untuk merekabentukan sistem. Perolehan pengetahuan atau *Knowledge Acquisition* melibatkan tiga proses utama;

- i. Mendapatkan pengetahuan dari pakar.
- ii. Menyenggarakan pengetahuan pakar yang diperolehi.
- iii. Pembelajaran mengenai pengetahuan.

Aktiviti pembelajaran melibatkan sesi perbincangan atau perjumpaan dengan pakar. Di sini, aspek-aspek berkaitan dengan masalah akan dibincangkan untuk mengenalpasti konsep kunci dan langkah utama penyelesaian masalah yang digunakan oleh pakar tersebut.

3.2.3. Fasa Rekabentuk Sistem

Semasa proses merekabentuk sistem, keseluruhan struktur dan pengorganisasian pengetahuan sistem dikenalpasti. Melalui aktiviti pemprototaip yang dijalankan, pembangun sistem akan lebih memahami secara mendalam tentang sistem serta masalahnya. Antara aktiviti-aktiviti yang ditumpukan semasa fasa ini ialah;

-
- i. Pilih teknik perwakilan pengetahuan
 - ii. Pilih teknik kawalan
 - iii. Pilih perisian
 - iv. Bangunkan prototaip
 - v. Bangunkan *interface*
 - vi. Bangunkan *product*

3.2.4. Fasa Pengujian

Fasa pengujian melibatkan proses pengintegrasian antara modul-modul di dalam sistem. Modul ini digabungkan menjadi seperti satu sistem yang telah siap dibangunkan dan akan diuji sebagai keseluruhan sistem. Pengujian akan menentukan sama ada objektif sistem dapat dicapai atau sebaliknya. Antara ujian yang dijalankan kepada sistem seperti pengujian kefungsian, pengujian kemampuan dan pengujian ‘*installation*’ sistem.

Dalam tempoh ini, perekabentuk akan lebih dekat dengan pakar yang berlibat untuk membimbing pembangunan pengetahuan dan pengguna akhir untuk pembangunan antaramuka sistem.

3.2.5. Pendokumentasian

Proses penerangan secara keseluruhan maklumat projek pembangunan sistem ini dalam bentuk penulisan laporan (dokumentasi), bagi untuk menceritakan secara terperinci tentang;

- i. Pembangunan sistem
- ii. Penulisan laporan akhir
- iii. Penyenggaraan sistem

Pada kebiasaananya, dokumentasi tentang sesuatu sistem mestilah mengandungi di dalamnya ‘Kamus Pengetahuan’ (*knowledge dictionary*) yang dilengkapi dengan cara persembahan tersendiri pembangun sistem mengenai pengetahuan dan proses penghasilan penyelesaian masalah oleh sistem yang dibangunkan.

3.2.6. Penyenggaraan


Tujuan utama fasa penyenggaraan atau ‘*maintenance*’ sistem, adalah untuk membimbing serta menjaga sistem yang baru berfungsi dalam persekitaran kerjanya disamping membekalkan panduan penggunaan sistem kepada pengguna, bagaimana sistem berfungsi oleh pembangun sistem.

Pada kebiasaananya, sesuatu sistem yang baru dilancarkan di dalam persekitaran kerjanya, harus selalu diselenggara dan diperiksa bagi mengelak

Tujuannya sebenar proses ini adalah untuk menghasilkan satu set kumpulan berkenaan dengan masalah atau perkara yang berkaitan yang boleh dikodkan untuk kegunaan **CBLS** yang dibangunkan.

3.3.1. Knowledge Elicitation

Proses perolehan pengetahuan daripada pakar dikenali sebagai ‘*Knowledge Elicitation*’, Rajah 3.3, iaitu sesi interaksi diantara *knowledge engineer* dengan pakar domain melalui temuduga, perbincangan atau kajian kes yang dijalankan.. Tujuan interaksi ini adalah untuk mendapatkan pengetahuan pakar dan skil pakar ketika menyelesaikan masalah. Walaubagaimanapun terdapat kemungkinan beberapa masalah yang timbul ketika proses *knowledge elicitation* ini dijalankan.



Rajah 3.3: Proses atau Kitar Knowledge Elicitation

Antara proses-proses yang terlibat dalam kitar *knowledge elicitation* ialah;

- i. Pengumpulan pengetahuan dari pakar
 - temuramah dan borang kaji selidik
- ii. Penafsiran maklumat yang dikumpul dan pendefinisan kunci-kunci pengetahuan (analisis maklumat)
- iii. Analisis kunci pengetahuan bagi mendapatkan teori performatan kepada pengorganisasian pengetahuan dan strategi penyelesaian masalah
- iv. Merekabentuk pengetahuan

Antara masalah besar yang mungkin timbul semasa proses ini dijalankan ialah;

- i. Kemungkinan pakar tidak berhati-hati dengan pengetahuan yang digunakan
- ii. Kemungkinan pakar tidak boleh memberitahu pengetahuan secara lisan
- iii. Kemungkinan pakar memberi pengetahuan tak relevan
- iv. Kemungkinan pakar memberi pengetahuan yang tidak secukupnya
- v. Kemungkinan pakar memberi pengetahuan yang salah
- vi. Kemungkinan pakar memberi pengetahuan yang tak konsisten

3.3.2. Pembelajaran Kes

Terdapat dua cara kes digunakan semasa *knowledge elicitation* dijalankan iaitu;

- i. Retrospektif – pakar memberi pandangan tentang kes dan menerangkannya secara tinjauan bagaimana masalah diselesaikan
- ii. Permerhatian – memerhati cara pakar menyelesaikan masalah yang dibincangkan

Kedua-dua cara ini mesti terlebih dahulu dipertimbangkan kes yang akan dipelajari. Dua jenis kes yang dipertimbangkan di sini iaitu kes-kes yang selalu (utama) dan kes-kes yang kadang-kadang.

3.4. Teknik Perwakilan Pengetahuan

Pemilihan teknik perwakilan pengetahuan yang terbaik dengan menyesuaikan pengetahuan pakar untuk menyelesaikan masalah. Terdapat tiga teknik perwakilan yang paling biasa digunakan dalam membangunkan ES, iaitu;

- i. Frame-Based – ES yang menerangkan masalah dengan merujuk kepada objek-objek yang penting melalui perhubungan wujud jika salah satu objek memberi kesan kepada objek yang lain
- ii. Rule-Based – ES yang membincangkan premesis masalah menggunakan statmen IF/THEN untuk pembuktianya.
- iii. Induction – pendekatan nilai jika contoh-contoh lepas masalah wujud.

3.5. Keperluan Pembangunan

perkakasan pembangunan sistem untuk mencari spesifikasi sistem adalah

3.5.1. Perkakasan pengaturcaraan yang ada pada perkembangannya.

pula membolehkan perkembangannya mendapatkan perkiraan untuk menghasilkan

sistem. Dalam membangunkan CBLS, konfigurasi perkakasan yang digunakan ialah;

- Intel Pentium III Processor (933MHz)
- 15" SVGA Color Monitor (32bits, 800x600)
- 128MB SDRAM
- 20 GB Hard Disk Drive
- 1.44MB Floppy Drive Driver
- 52x CD-Rom

3.5.2. Perisian

Proses pemilihan perisian untuk pembangunan sistem dibuat dengan lihat kepada kesesuaian ciri masalah dengan kebolehan perisian yang ada. Terdapat banyak peralatan perisian yang wujud untuk pembangunan sesuatu ES sekarang ini. Secara amnya, perisian ini terbahagi kepada dua kategori, iaitu, bahasa pengaturcaraan (*languages*) dan *shell*.

Bahasa pengaturcaraan membekalkan keperluan fleksibel kepada para perekabentuk pembangunan sistem untuk mencari speifikasi sistem selain daripada kemahiran pengaturcaraan yang ada pada perekabentuk tersebut. *Shell* pula membekalkan perekabentuk mendirikan persekitaran untuk menghasilkan sistemnya.

Ia akan membekalkan struktur perwakilan pengetahuan, *inference engine*, penerangan kemudahan dan *interface*. Penggunaan perisian untuk pembangunan **CBLS** ialah;

- Bahasa pengaturcaraan; Visual Prolog.
- Shell; Arity

4.1. Analisis Sistem

Fasa analisis melibatkan kajian ke atas seumur sistem untuk memahami bagaimana sistem sedang beroperasi dan turut mencadangkan peningkatan kepada sistem ke arah objektif perancangan. Ia bertujuan untuk mendefinisikan keperluan-keperluan CBI.5 sepenuhnya bagi pelaksanaan sistem ini. Ia akan menerangkan bagaimana fungsi sistem ini boleh bekerjasama dengan sistem yang lain serta membantu dalam perelitaran kerja.

BAB 4 : ANALISIS DAN REKABENTUK SISTEM

- i. Pengumpulan data/gaji data
- ii. Mengelakui keperluan sistem
- iii. Menyusun keperluan keperluan
- iv. Penyetaan dan peralihan data
- v. Laporan kepada pihak pengurusan

Tujuan pengelajuan modulmat adalah bertujuan untuk mengemaskini kehendak dan keperluan pengguna terhadap sistem dan pencadangan kepada masalah yang timbul.

4.2. Keperluan-Keperluan Sistem

4.1. Analisis Sistem

Fasa analisis melibatkan kajian ke atas sesuatu sistem untuk memahami bagaimana sistem sedia ada beroperasi dan turut mencadangkan peningkatan kepada sistem ke arah objektif perniagaan. Ia bertujuan untuk mendefiniskan keperluan-keperluan CBLS sepenuhnya bagi pelaksanaan sistem ini. Ia akan menerangkan bagaimana fungsi sistem ini boleh bekerja dengan sistem yang lain serta membantu dalam persekitaran kerja.

Terdapat beberapa aktiviti-aktiviti yang dijalankan semasa fasa menganalisa sistem;

- i. Pengumpulan fakta @ data
- ii. Mengenalpasti keperluan sistem
- iii. Menyusun keutamaan keperluan
- iv. Penjanan dan penilaian alternatif
- v. Laporan kepada pihak pengurusan

Tujuan pengumpulan maklumat adalah bertujuan untuk mengenalpasti kehendak dan keperluan pengguna terhadap sistem dan pencadangan kepada masalah yang timbul.

4.2. Keperluan-Keperluan Sistem

Menghuraikan secara terperinci fungsi yang akan dilaksanakan bagi sesuatu sistem. Maklumat (fakta) yang dikumpulkan dihimpun untuk dianalisa seterusnya dimodelkan bagi menggambarkan keperluan sistem. Terdapat tiga jenis keperluan umum kepada sesuatu sistem iaitu, keperluan kefungsian, keperluan bukan kefungsian dan keperluan teknikal.

4.2.1. Keperluan Kefungsian

Keperluan kefungsian ialah hubungan interaktif antara sistem dengan persekitaran kerjanya. Dengan kata lainnya, aktiviti yang mesti dilaksanakan oleh sistem semasa menjalankan tugasnya. Jadi, sesuatu sistem yang dibangunkan hendaklah bersifat sempurna serta konsisten.

Keperluan kefungsian untuk sistem yang menggunakan **CBLS** terbahagi kepada tiga modul, iaitu, modul *encryption*, modul *decryption* dan modul *inference*. Dalam modul *encryption*, sistem akan membekalkan fungsi kepada pengguna untuk memasukkan maklumat mereka pada *interface* sebelum dihantar ke dalam sistem.

Modul *decryption* pula , membekalkan fungsi untuk menerima maklumat dari pengguna serta fungsi untuk *decrypt* maklumat yang diterima ke dalam

bentuk yang difahami oleh pengguna. Secara amnya, modul decryption ini adalah proses terbalik kepada modul encryption.

Inference merupakan modul penting dimana di sinilah terdapat sistem pakar ini. sistem akan memproses maklumat yang diperolehi dari pengguna untuk menjana pakaran yang dimiliki oleh sistem bagi mendapatkan penyelesaian kepada kes. Secara keseluruhannya, keperluan kefungsian untuk melakukan tugas yang dilakukan oleh sistem.

4.2.2. Keperluan Bukan Kefungsian

Keperluan bukan kefungsian adalah deskripsi bagi ciri-ciri yang menyerpurnakan lagi sesuatu sistem dan jugakekangan-kekangan yang menghadkan sempadan atau skop. Ianya boleh diibaratkan sebagai aksesori tambahan atau ciri-ciri pelengkap kepada keperluan kefungsian.

4.2.2.1. Mesra Pengguna Dan Kegunaan

CBLS menggunakan *interface* yang mudah untuk menyenangkan maksud kepada pengguna yang terlibat. Penggunaan kosakata yang mudah akan membantu para pengguna untuk memahani maksud sistem dan juga utnuk mengelakkkan daripada kesalahan memasukkan maklumat oleh pengguna.

Dengan itu, **CBLS** turut akan memaparkan nota pemastian dan juga pertanyaan untuk memudahkan lagi proses penyelesaian kes pengguna.

4.2.2.2.Kemampuan

Masa menunggu (memproses) **CBLS** untuk mencari menyelesaian kepada kes mestilah secepat yang mungkin. Ia adalah bergantung kepada kerumitan kes yang dihadapi. Mungkin bagi kes yang biasa tidak memerlukan masa yang panjang tetapi bagi kes yang rumit pula tidak semesti terlalu lama. Di sinilah dapat diperhatikan, maklumat dari pengguna mestilah tepat dengan kehendak sistem dari mengelakkan masa penyelesaian yang panjang.

Kemampuan cara **CBLS** juga boleh dipercayai kerana ia menekankan cara penyelesaian pakar domain yang diterima dalam menyelesaian kes undang-undang.

4.2.2.3.Penyenggaraan

CBLS mudah untuk diubah pengetahuan kerana ia sifatnya yang mengasingkan kwalan dengan pengetahuan. Perubahan di sini juga termasuk dengan proses penambahan kepada pengetahuan sistem.

4.2.3. Keperluan Teknikal

Keperluan teknikal ialah deskripsi bagi persekitaran perlaksanaan iaitu melibatkan proses penentuan untuk penggunaan (keperluan) perkakasan dan perisian untuk sistem ini. Sepertinama yang dimaklumkan, proses ini telah diterangkan secara mendalam pada bab yang sebelum.

4.2.4. Kesimpulan

Pada permulaannya merupakan proses penerangan yang sistem mesti lakukan dan keperluan-keperluan khusus untuknya . Seterusnya metodologi pembangunan sistem akan memenuhi bagi keseluruhan objektif-objektif yang hendak dicapai oleh sistem.

4.3. Rekabentuk Sistem

Rekabentuk ialah proses kreatif pertukaran masalah kepada penyelesaian. Rekabentuk yang bagus mesti ada kriteria-kriteria seperti, mudah difahami, mudah implementasi, mudah diuji dan mudah diubah untuk menghasilkan sistem yang berkualiti.

Objektif utama fasa ini untuk membangunkan model **CBLS** dan mendokumenkan rekabentuk konsep yang sebaik mungkin. Teknik asas rekabentuk perjalanan sistem akan diterangkan pada topik yang seterusnya.


4.4. 4.4. Model Sistem

Model sistem yang diperlajari adalah abstrak kepada sistem yang mana ia merupakan alternatif kepada persembahan (perwakilan) sistem.

4.4.1. Modul-Modul Sistem

CBLS terbahagi kepada tiga modul-modul utama *encryptions, decryption* dan *inference*.

4.4.1.1. Modul Encryption




Rajah 4.1: Modul Encryption CBLS

Modul ini (rajah 4.1) adalah kefungsian encryption adalah proses untuk encryp fakta-fakta kes daripada pengguna kepada bentuk maklumat **CBLS**. Fakta-fakta ini dimasukkan oleh pengguna melalui *interface* yang dibekalkan oleh sistem seterusnya dihantar kepada bahagian *working memory* di dalam **CBLS**. Maklumat yang terkandung dalam *working memory* ini akan dirujuk oleh sistem semasa proses penyelesaian masalah berlaku.

Rajah 4.2: Modul Inference CBLS

4.4.1.2. Modul Inference


Proses *inference* dilakukan oleh *inference engine* ialah untuk mencari penyelesaian kepada maklumat yang dikumpul (rajah 4.2). Tugas *inference engine* dalam **CBLS** ialah untuk mencari penyelesaian terbaik (*inference*) kepada kes yang dihadapi dengan menggunakan maklumat atau fakta-fakta yang ada mengenai kes yang dikumpulkan pada *working memory*. Modul ini akan berlaku di dalam **CBLS**. Fakta-fakta yang terdapat pada *working memory* akan dipandakan dengan pengetahuan pakar domain yang terdapat dalam *knowledge base* dalam **CBLS** berdasarkan kepada peraturan yang ditetapkan oleh *inference engine*nya.


**Rajah 4.2: Modul Inference CBLS****4.4.2. Keberadaan Modul Sistem**

Segala maklumat penyelesaian kepada sesuatu kes akan dimuatkan ke dalam *working memory*. Selainnya, CBLS ni beroperasi dengan operasi operasional yang difungsikan dalam tujuh yang sebelum ini. Di sini dia digambarkan (Rajah 4.4) bagaimana model sebenar bagi CBLS menggunakan operasi mas ke mas.

4.4.1.3. Modul Decryption

Setelah CBLS mendapat penyelesaian kepada kes, proses *decryption* maklumat penyelesaian akan dilakukan untuk diberikan kepada pengguna (Rajah 4.3). Penyelesaian kepada kes akan dipaparkan kepada pengguna melalui *interface* sistem.


**Rajah 4.4: Gambarajah Keberadaan Modul CBLS**



Rajah 4.3: Modul Decryption CBLS

4.4.2. Keseluruhan Modul Sistem


Secara keseluruhannya, **CBLS** ini beroperasi secara beraturan sepetimana yang diterangkan dalam tajuk yang sebelum ini. Di sini dapat digambarkan (Rajah 4.4) bagaimana model sebenar bagi **CBLS** menjalankan operasi asas ke atas sesuatu kes.



Rajah 4.4: Gambarajah Keseluruhan Modul CBLS

4.4.3. Komponen-Komponen Sistem

Jadi, di sini dapat digambarkan senibina untuk komponen-komponen yang terdapat di dalam CBLS (Rajah 4.5).



Rajah 4.5: Senibina CBLS

4.5. Kesimpulan

Rekabentuk sistem adalah proses penting sebelum sebarang implementasi dijalankan, dalam usaha untuk mendapatkan keseluruhan flow-flow sistem dan untuk menunjukkan secara terang dan mendalam mengenai idea-idea yang digunakan untuk membangunkan sistem ini.

5.1 Pengenalan

Bab ini akan memperangkan secara terperinci mengenai model-modul pelaksanaan atau pengimplementasi yang dijalankan oleh CBLS. Oleh kerana dari awal lagi projek ini ditekankan lebih mendalam dari segi kajian, jadi dalam bab ini akan diburukkan lebih turposi dalam pengimplementasi baluan pengaturcaraan (*language*) yang mana melibatkan sejumlahnya proses-proses penjuruturcaraan (*programming*) oleh pengaturcara sistem ini dan proses merelabentik sistemik kepada sistem.

BAB 5 : PENGIMPLEMENTASIAN

5.1 Perkembangan Pembentukan Keseluruhan Kepada Sistem

SISTEM

Pengimplementasi CBLS adalah berdasarkan sedikit daripada merelabentik asetnya. Terdapat beberapa konsep yang sukar untuk dilaksanakan oleh sistem ini bagi mencapai tujuannya kerana objektif projek ini. Tindakan pernaham ini diambil disebabkan berikut beberapa kesilapan teknikal semasa proses pengendalian dan merelabentik sistem serta hasil daripada dorekan dan masalah yang yang tidak dapat dielakkan hasil daripada pesakitnya luarn dan dalam projek ini sendiri.

Adalah wajar untuk beberapa konsep tersebut sehingga dalam sistem ini dimulih. Antara motif konten tersebut ialah:

5.1 Pengenalan

Bab ini akan menerangkan secara terperinci mengenai modul-modul pelaksanaan atau pengimplementasian yang dijalankan oleh **CBLS**. Oleh kerana, dari awal lagi projek ini ditekankan lebih mendalam dari segi kajian, jadi dalam bab ini akan diberikan lebih tumpuan dalam pengimplementasian bahasa pengaturcaraan (*language*) yang mana melibatkan sepenuhnya proses-proses pengaturcaraan (*programming*) oleh pengaturcara sistem ini dan proses merekabentuk antaramuka kepada sistem.

5.2 Perubahan dan Pembetulan Kesilapan Konsep Rekabentuk Sistem

Pengimplementasian **CBLS** adalah berbeza sedikit daripada merekabentuk asalnya. Terdapat beberapa konsep yang sukar untuk dilaksanakan oleh sistem ini bagi mencapai sepenuhnya kesemua objektif projek ini. Tindakan perubahan ini diambil disebabkan berlakunya beberapa kesilapan teknikal semasa proses pengenalpastian dan merekabentuk sistem serta hasil daripada desakan dan masalah, yang mana tidak dapat dielakkan hasil daripada persekitaran luaran dan dalaman projek ini sendiri.

Adalah wajar untuk beberapa konsep tertentu sahaja dalam sistem asal ini diubah. Antara-antara konsep tersebut ialah;

1. penggunaan bahasa pengaturcaraan bagi sistem ini iaitu, **Visual Prolog** dan shellnya iaitu, **Arity**.
2. sistem menyimpan kes yang baru atau kes yang tiada dalam sistem.
3. teknik perwakilan pengetahuan (*knowledge representation*) sistem.

Konsep-konsep ini terpaksa diubah disebabkan oleh kelemahan dan desakan atau masalah yang dihadapi oleh sistem perundangan syariah (mahkamah syariah) di Malaysia. Antara kelemahan (masalah) mahkamah syariah di Malaysia ialah;

1. terdapat pelbagai jenis mahkamah (contohnya mahkamah tinggi, seksyen dan sebagainya) di Malaysia.
2. tiada penetapan sebenar tentang kes-kes yang akan dan sepatutnya dibicarakan oleh mahkamah syariah. Kadang-kala perbicaraan yang melibatkan masalah syariah antara umat Islam sendiri turut dijalankan di mahkamah lain seperti mahkamah tinggi, juvana, seksyen dan sebagainya.
3. perundangan syariah yang tidak seragam di serata negeri di Malaysia.
4. ramai umat Islam sendiri membuat rujukan undang-undang lain selain daripada undang-undang syarie Malaysia.

Ini mengakibatkan kebanyakkan kes yang didebatkan atau dibicarakan di mahkamah syariah adalah hampir sama dan kuasanya adalah terhad. Jadi dari

faktor-faktor desakan (masalah) inilah menyebabkan proses pengimplementasian sistem ini berbeza dengan mengambil beberapa inisiatif baru untuk konsep rekabentuk sistem untuk mencapai objektif utama projek. Konsep-konsep yang baru ialah;

1. bahasa pengaturcaraan, **Visual Basic 6** digunakan menggantikan bahasa pengaturcaraan yang asal kerana ia lebih mudah dan efisyen serta menpunyai gambaran antaramuka yang mesra pengguna dan mudah. Oleh itu, penggunaan shell tidak lagi perlu untuk sistem ini. Ia juga hampir serupa dengan bahasa pengaturcaraan seperti **C**, **C++** dan sebagai yang mana banyak diberikan perdedahan kepada pelajar.
2. bagi kes-kes yang tiada dalam sistem (baru) tidak dapat disimpan oleh simpan atau penggunanya. Pengaturcara sistem yang akan sentiasa berhubung dengan pengguna sistem dan sistem dan bertanggungjawab untuk mengubah atau menambah kes yang baru ke dalam sistem.
3. semua hujah akan dimasukkan semasa proses pengaturcaraan dibuat.

5.3 Pengimplementasian Sistem

Proses pengimplementasian bagi sistem ini terbahagi kepada beberapa pengimplementasian modul-modul utama sistem ini. Modul-modul utama bagi sistem ini ialah:

1) Modul Welcome (login)


2) Modul CaseType (jenis kes)

3) Modul Case (bagi setiap kes)

